

SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT KOMUNITI BAGI USAHAWAN WANITA B40 (KOMUNITI SURIPRENEUR)

KHAIRINA BATRISYIA BINTI KHAIRUL ANUAR

DIAN INDRAYANI BINTI JAMBARI

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

ABSTRAK

iSuripreneur dibentuk atas keperluan untuk menyokong dan membina komuniti bagi usahawan wanita Malaysia yang berada dalam strata sosioekonomi B40. Usahawan wanita ini mengharungi cabaran unik yang membantutkan pembangunan mereka, dan ketiadaan komuniti yang beriiktiraf memburukkan lagi keadaan ini. Kebergantungan mereka akan media sosial sebagai sumber pengetahuan dan penjanaan rangkaian keusahawanan mendedahkan mereka kepada penipuan dan komuniti yang diragui kesahihannya. Justeru, sistem ini berhasrat untuk membangunkan subsistem Komuniti Suripreneur bagi menyelesaikan perkara ini. Halaman rangkaian sosialnya memberikan ketua komuniti peluang untuk menyiar dan mengemaskini konten media komuniti. Rangkaian ini juga membantu usahawan dalam subsistem ini untuk dihubungkan dengan komuniti serta ahli komuniti yang terdiri daripada usahawan yang dijamin ketauliahannya. Melalui subsistem ini, kemudahan pendaftaran komuniti baru dan penetapan kriteria keahlian komuniti ini turut ditawarkan. Untuk pengguna yang berminat untuk menjadi ketua bagi komuniti sedia ada dalam subsistem ini, senarai komuniti yang sedang mencari ketua akan dipamerkan kepada pengguna. Penilaian pendaftaran komuniti baru akan diluluskan pentadbir pengesahan pendaftaran manakala untuk penilaian permohonan ketua bagi komuniti sedia ada dijalankan ketua komuniti semasa. Papan pemuka untuk ketua komuniti turut disediakan, sekaligus memudahkan mereka untuk memantau sumber pendapatan komuniti, pengagihan pendapatan dan demografi ahlinya. Usahawan yang berminat untuk menjadi sebahagian komuniti juga boleh mendaftar. Dengan bantuan algoritma, penilaian keserasian mereka dengan penetapan kriteria keahlian komuniti dijalankan. Penilaian ini membantu ketua komuniti untuk membuat keputusan dari aspek kelulusan atau penolakan permohonan usahawan ini. Metodologi agile digunakan, manakala rangka kerja "Laravel" digunakan terutamanya untuk pembangunan sistem, disertai dengan rangka kerja "Tailwind" untuk antara muka penggunanya. Oleh itu, nilai subsistem ini tidak hanya terhad kepada penyediaan sebuah platform digital untuk komuniti usahawan wanita B40 yang mampu menyalurkan bantuan dan sokongan khusus, namun ia juga membantu usahawan ini untuk membina rangkaian profesional.

Kata kunci: usahawan wanita B40, pengurusan komuniti, rangkaian sosial

PENGENALAN

Semasa dunia dibanjiri wabak Covid-19, terdapat ramai usahawan wanita daripada golongan B40 yang menjual produk secara dalam talian (Loheswar, 2020). Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan aplikasi seperti Instagram dan Facebook memudahkan mereka untuk mempromosikan produk dengan efisien dan mudah. Walaupun begitu, kebanyakannya daripada mereka tidak berpeluang untuk menyelamatkan perniagaan mereka memandangkan kuasa beli pengguna merudum semasa Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia dipanjangkan (Loheswar, 2020).

Umum mengetahui bahawa sosial media memberikan penggunanya kebebasan untuk bersembunyi di sebalik identiti dan organisasi palsu. Memandangkan wanita B40 ini kebanyakannya tidak dilengkapi pengetahuan untuk mengenalpasti penipuan di alam maya, mereka juga berpotensi tinggi untuk menjadi mangsa penipuan dan jenayah siber di alam maya. Senario-senario ini izhar menunjukkan impak daripada menjalankan perniagaan tanpa bimbingan, sokongan serta komuniti yang sihat, kukuh dan sahih.

Melalui senario yang diutarakan, kebanyakannya wanita ini menyelami masalah perniagaan secara berseorangan dan tanpa bimbingan yang jelas. Sistem Smart SuriPrenuer merupakan satu sistem berasaskan web yang dibangunkan dengan tujuan untuk membantu usahawan wanita B40 menjalankan perniagaan atau suri rumah yang mahu mencari cara untuk menjana dan menambah sumber pendapatan dari rumah. Sistem ini memiliki pelbagai subsistem, iaitu iaitu subsistem “Paparan Hadapan”, “Bisnes Profil”, “Jualan”, “Latihan”, “Coaching” dan “Sistem Sokongan Keputusan”. Walaupun begitu, sistem ini tidak dilengkapi dengan kemudahan yang menghubungkan usahawan wanita B40 dengan komuniti keusahawanan yang beriiktiraf. Oleh itu, pendedahan mereka kepada komuniti keusahawanan bertauliah yang mampu menawarkan program serta bimbingan yang sahih akan menyajikan pelbagai kemaslahatan dalam pembangunan perniagaan mereka.

Sudah terang lagi bersuluh bahawa aplikasi media sosial sarat dengan komuniti serta individu yang ketauliahannya diragui kesasihannya. Ini menghalang wanita untuk diperkenalkan dengan komuniti beriiktiraf. Oleh itu, pembinaan sebuah sistem di mana komuniti sebegini dapat dihimpunkan amatlah wajar untuk pemerkasaan dan kesejahteraan wanita ini. Sistem ini mampu bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan mereka dengan pelbagai komuniti keusahawanan yang bertauliah termasuklah sumber pengetahuan, bimbingan dan khidmat nasihat yang ditawarkan komuniti ini. Tambahan lagi, kehadiran sistem sebegini juga memberi peluang kepada wanita untuk berinteraksi dengan kenalan profesional di bawah satu komuniti yang sama. Justeru, hasrat untuk memperkasakan wanita B40 dalam alam keusahawanan mampu direalisasikan.

METODOLOGI KAJIAN

Model yang dipilih untuk pembangunan projek ini ialah metodologi tangkas (Agile methodology). Berteraskan prinsip kolaborasi antara ahli, kebolehsuaian dan penambahbaikan konsisten, prinsip ini mengetengahkan pendekatan yang fleksibel dan pantas. Metodologi ini juga mengutamakan maklum balas pihak berkepentingannya, selari dengan keperluan pembangunan projek ini. Memandangkan kolaborasi sesama ahli pasukan akan diterapkan dalam menjayakan projek ini, maka metodologi tangkas ini amatlah padan untuk diimplimentasikan. Pengadaptasian metodologi ini akan mendedahkan seseorang kepada 5 fasa utamanya, iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan dan fasa penyebaran.

Fasa analisis

Apabila pasukan pembangunan perisian telah menjakkan langkah dalam fasa ini, analisis yang teliti dan mendalam akan keperluan pengguna haruslah dijalankan. Oleh itu, untuk fasa ini, inisiatif untuk memahami apa yang diperlukan pihak berkepentingan untuk membangunkan sistem ini telah dilakukan melalui pengumpulan ciri-ciri keperluan subsistem ini.

Fasa reka bentuk

Memandangkan pendekatan berorientasikan objek akan diaplikasikan untuk fasa ini, rajah seperti rajah kes guna digunakan untuk menjelaskan fungsi subsistem manakala rajah jujukan serta rajah aktiviti akan dijana untuk memaparkan tingkahlaku subsistem ini. Selain itu, antaramuka akan direkabentuk menggunakan *Lucid* dan reka bentuk pangkalan data pula akan dijana melalui rajah kelas.

Fasa pembangunan

Menelusuri fasa ini memerlukan pengekodan dan pelaksanaan perisian bersama dan konsisten. Oleh itu, perisian Visual Studio Code akan digunakan untuk pengekodan subsistem ini. Selain itu, kerangka kerja MVC Laravel dan Livewire turut digunakan bagi membangunkan subsistem ini. Pangkalan data MySQL menggunakan perisian HeidiSQL juga digunakan untuk mengakses pelayan (server) subsistem ini.

Fasa pengujian

Pembangun dan penguji akan menjalankan ujian terhadap sistem ini untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi keperluan yang telah dikenal pasti pada fasa sebelumnya. Penguji akan menguji fungsi-fungsi yang terdapat dalam sistem dan memberikan maklum balas mengenai kesesuaian antara muka (interface) yang digunakan. Untuk fasa ini, pengujian ini akan dilakukan bersama pengguna sistem untuk mengukur kejayaan pembangunan subsistem ini dalam memenuhi keperluan dan objektif yang ditetapkan.

Fasa penghantaran

Sistem yang telah lengkap dibangunkan akan dihantar kepada pengguna untuk tujuan penilaian. Maklum balas akan dikumpulkan daripada pengguna untuk mengubah suai dan menambah baik sistem ini.

Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan keperluan pengguna ialah melalui sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan sistem ini. Mesyuarat dan perbincangan bersama pihak ini telah diadakan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai fungsi yang perlu dimiliki Komuniti Suripreneur, termasuklah peranan pengguna dalam sistem ini. Kaedah ini memudahkan saya untuk memahami fungsi yang dimiliki sistem ini serta memudahkan saya untuk memastikan keperluan pengguna sistem ini selari dengan objektif pembangunan sistem ini.

Untuk pengujian kebolehgunaan pula, kaedah soal selidik telah digunakan dan diedarkan kepada responden yang terdiri daripada ketua komuniti dan ahli komuniti. Soal selidik ini terdiri daripada 15 item dan dibahagi kepada tiga aspek, iaitu kegunaan web, kualiti maklumat dan kualiti antara muka. Ia merangkumi beberapa soalan skala Likert dan dua soalan terbuka mengenai kelebihan sistem, kekurangan sistem dan cadangan penambahbaikan terhadap sistem. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklum balas responden dan penilaian kebolehgunaan laman web ini. Setelah soal selidik dilengkapkan, pautan Google Form diedarkan kepada pengguna yang berkaitan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Sistem Pengurusan Maklumat Komuniti bagi Usahawan Wanita B40 (Komuniti Suripreneur) telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkapkan. Untuk menghasilkan antara muka sistem ini, Tailwind CSS dan Bootstrap digunakan manakala pembangunan sistem pula menggunakan rangka kerja Laravel dan Livewire.

Untuk pengguna yang ingin mendaftarkan diri sebagai ahli komuniti, pengguna hendaklah mengisi maklumat pengguna seperti butiran diri, alamat dan kata laluan untuk akaun pengguna. Setelah kesemua maklumat tersebut telah diisi, pengguna dikehendaki untuk mengisi pendaftaran ahli komuniti seperti yang dipaparkan pada rajah 1, di mana pengguna boleh memilih komuniti serta mengisi pengalaman keusahawanan dan sebab untuk menganggotai komuniti yang dipilih.


The screenshot shows a registration form for a community member. On the left, there is a vertical navigation bar with five steps: 1. Butiran Diri (Profile), 2. Alamat (Address), 3. Kata Laluan (Password), 4. Komuniti (Community), and 5. Pengesahan (Confirmation). Step 4 is highlighted in green. The main form area has the following fields:

- Pilih Komuniti ***: A dropdown menu showing "TechTech Community".
- Deskripsi Komuniti**: A text input field containing "Community ini merupakan satu komuniti yang luas dalam merangkakan inovasi".
- Pengalaman Keusahawanan ***: A text input field containing "Terangkan Pengalaman Keusahawanan Anda : Cth, Pengasas bersama XYZ Tech, 5 tahun pengalaman dalam pemasaran dan pembangunan perniagaan".
- Jelaskan sebab anda berminat untuk menganggotali komuniti ini ***: A text input field containing "Saya berminat untuk menganggotali komuniti ini kerana:
1. Saya ingin berkongsi pengalaman keusahawanan saya dengan rakan sejawat.
2. Komuniti ini menawarkan peluang networking yang bernilai untuk...".
- Kepakaran ***: A dropdown menu with three options: Kewangan, Pemasaran, and Penjualan.

At the bottom right of the form is a blue button labeled "Seterusnya >".


Rajah 1 Antara Muka Pendaftaran Keahlian Komuniti

Jika pengguna ingin menukar keahlian komunitinya, pengguna hanya perlu pergi ke halaman Profil dan menekan butang ‘Komuniti’ seperti yang dipaparkan Rajah 2. Pada halaman ini, maklumat keahlian komuniti akan dipaparkan dan pengguna juga boleh menyunting maklumat tersebut serta memilih komuniti lain untuk dianggotai. Apabila butang ‘Kemaskini’ ditekan, pendaftaran pertukaran keahlian komuniti akan dimaklumkan kepada ketua komuniti melalui emel.



Rajah 2 Antara Muka Pertukaran Keahlian Komuniti pada Halaman Profil

Apabila pengguna telah disahkan sebagai ahli komuniti, pengguna akan mendapat akses kepada papan pemuka yang memaparkan maklumat seperti paparan ahli paling aktif berdasarkan jumlah kehadiran dalam aktiviti komuniti, senarai aktiviti yang dihadiri pengguna tersebut dan kedudukan kehadiran atau “Engagement Rank” pengguna. Graf mengenai trend keterlibatan pengguna dan trend “Engagement Rank” pengguna turut dipaparkan.



Rajah 3 Antara Muka Papan Pemuka bagi Ahli Komuniti

Rajah 4 pula memaparkan halaman untuk pendaftaran komuniti baru, yang memerlukan pengguna untuk mengisi tiga bahagian, iaitu pendaftaran ketua komuniti, pendaftaran komuniti dan penetapan kriteria ahli komuniti. Setelah ketiga-tiga bahagian ini telah diisi dan pengguna menekan butang “Simpan”, pendaftaran komuniti ini akan dihantar kepada pentadbir pengesahan pendaftaran untuk disahkan.

Smart SuriPreneur

Dashboard Latihan DSS Komuniti

Komuniti Suripreneur

Cipta Komuniti Baru Rangkaian Sosial Kekosongan Ketua Komuniti

Pendaftaran Ketua Komuniti

Untuk memohon sebagai ketua komuniti, sila isi maklumat berikut :

Umur *	30	Tarikh Permohonan	01/04/2024
Tahap Pengajian	-- Sila Pilih --		
Pengalaman Keusahawanan	Terangkan Pengalaman Keusahawanan Anda : Cth., Pengasas bersama XYZ Tech, 5 tahun pengalaman dalam pemasaran dan pembangunan perniagaan		
Resume	Choose File No file chosen		

Simpan

> Komuniti Suripreneur

Komuniti Suripreneur

Pendaftaran Komuniti



Nama Komuniti *

Inclusive Innovators Hub

Visi Komuniti *

Kami membayangkan dunia di mana setiap suara didengari, setiap idea dihargai

Misi Komuniti *

Untuk memupuk ekosistem digital kolaboratif di mana kepelbagaian berkembang maju, inovasi berkembang, dan individu diberi kuasa untuk mencipta perubahan positif

No. Telefon Komuniti *

01159512243

Alamat Emel Komuniti *

info@techconnectcommunity.com

Jenis Komuniti *

Teknologi

Panduan

Sila pilih media sosial dan isikan ruangan nama pengguna.

Facebook <https://www.facebook.com/namapengguna>

Instagram <https://www.instagram.com/namapengguna>

Tiktok <https://www.tiktok.com/@namapengguna>

Twitter <https://twitter.com/namapengguna>

Media Sosial Komuniti *

Instagram

Nama Pengguna
@ Techinclusive

Hapus

+ Tambah

Alamat Komuniti *

No 46, Jalan Sunway 6/8,
Alamat 2
Bandar Sunway Semenyih
Alamat 3
Alamat Komuniti

Poskod *

43500

Negeri *

PERAK

Bandar *

BAGAN DATOH

Perakuan Pemerbadanan Komuniti *

Choose File SijilPemerbadanan.pdf

Simpan dan seterusnya

2024 © Isuripreneur

Komuniti Suripreneur

Penetapan Kriteria Ahli Komuniti

Sila tetapkan kriteria kelayakan ahli komuniti :

Umur Ahli *
 hingga

Selected Age Range: 50 hingga 50

Julat Keserasian *
 hingga

Pendaftaran ahli akan diterima jika serasi dengan kriteria dalam : 50% hingga 50%

Pemohon mesti memiliki perniagaan? * Tidak Ya

Kepakaran *

- Kewangan
- Pemasaran
- Penjualan

Simpan

Rajah 4 Antara Muka Cipta Komuniti Baru

Rajah 5 pula memaparkan halaman yang dikhaskan untuk pengguna yang dicalonkan ketua sebagai pengganti ketua komuniti. Senarai pada halaman ini akan menunjukkan nama komuniti serta nama ketua komuniti yang mencalonkan pengguna sebagai pengganti ketua komuniti.

Senarai Komuniti

Senarai komuniti yang mencalonkan pengguna sebagai ketua :

Bil	Nama Komuniti	Jenis Komuniti	Tindakan
1.	TechTech Community Dicalonkan oleh : MARIA Tempoh permohonan : 30/03/2024 - 30/04/2024	Pelancongan	

Rajah 5 Antara Muka Senarai Pencalonan

Rajah 6 pula memaparkan deskripsi mengenai skop kerja ketua komuniti manakala Rajah 7 pula memaparkan borang pendaftaran ketua komuniti untuk diisi pengguna yang dicalonkan. Kedua-dua halaman ini boleh diakses pada halaman pada Rajah 5.

Lihat Maklumat Kekosongan Ketua Komuniti

Deskripsi Kriteria Ketua Komuniti

Umur	Memiliki Perniagaan
50 hingga 80	Ya
Deskripsi	Individu yang memimpin, mengkoordinasikan, dan memfasilitasi kegiatan serta inisiatif yang bertujuan untuk memajukan pemahaman, keterampilan, dan kolaborasi dalam bidang teknologi.
Keperluan	Memiliki pemahaman yang mendalam tentang tren terkini dalam teknologi serta kemampuan untuk mengkomunikasikan informasi ini dengan jelas kepada anggota komunitas.
Kepakaran	Pemasaran,Kewangan,Penjualan

Tutup

Rajah 6 Antara Muka Deskripsi Kekosongan Ketua Kosong

Pendaftaran Ketua Komuniti


Untuk memohon sebagai ketua komuniti, sila isi maklumat berikut :

Umur *	Tarikh Permohonan
30	01/04/2024
Tahap Pengajian	-- Sila Pilih --
Pengalaman Keusahawanan	
Kepakaran	Penjualan <input checked="" type="checkbox"/> Pemasaran <input checked="" type="checkbox"/>
Resume	Kewangan Pemasaran Penjualan


Simpan dan seterusnya

Rajah 7 Antara Muka Borang Pendaftaran Ketua


Rajah 8 pula merupakan halaman rangkaian sosial yang memiliki fungsi lain seperti muatnaik pos, sunting pos dan tambah komen pada pos, seperti yang dipaparkan pada Rajah 9 sehingga Rajah 11. Sebagai pengguna rangkaian sosial ini, pengguna juga boleh menambah mesej pada topik yang telah dipos ketua komuniti, seperti yang dipaparkan pada Rajah 12.




Rajah 8 Antara Muka Rangkaian Sosial




Rajah 9 Antara Muka Muatnaik Pos pada Rangkaian Sosial



Rajah 10 Antara Muka Sunting Pos



Rajah 11 Antara Muka Tambah Komen pada Pos



Rajah 12 Antara Muka Topik

Seperti yang dipaparkan pada Rajah 13 dan Rajah 14, papan pemuka ketua komuniti dibahagi kepada tiga bahagian, iaitu Penglibatan Ahli, Perniagaan Ahli dan Aktiviti Komuniti. Pada Penglibatan Ahli, ketua boleh melihat senarai ahli, kedudukan ahli berdasarkan kehadiran aktiviti, serta trend keterlibatan ahli dalam aktiviti komuniti. Untuk Perniagaan Ahli pula, ketua boleh melihat jualan yang dijana perniagaan ahli, peratus sektor perniagaan ahli, bilangan perniagaan ahli mengikut negeri dan lokasi perniagaan ahli. Akhir sekali, Aktiviti Komuniti pula memaparkan trend pendapatan ahli melalui graf garis dan menyusun aktiviti mengikut kadar keterlibatan tertinggi, kadar keuntungan tertinggi dan jenis aktiviti dengan kadar keterlibatan tertinggi.

Copyright@FTSM
UKM

[Dashboard](#)

Dashboard Komuniti

TechTech Community

5
Jumlah Ahli

5
Aktiviti Direkod

KHAIRINA
Ahli Paling Aktif

CodeCrafters Workshop
Top-Performing Activity
Keuntungan yang dijana : 33.33%
Kadar Penglibatan Ahli : 20%

Penglibatan Ahli
Perniagaan Ahli
Aktiviti Komuniti

Senarai Ahli Komuniti

Maklumat Ahli	Engagement Rate	Perniagaan	Jualan (RM)
SITI SALEHA BINTI KUNALAN usahawan@isurpreneur.com +60192873707	 80%	Manisnya Kek Lavaa Snack's Yum Tailor's By Min	RM 3,000.00 RM 0.00 RM 0.00
KHAIRINA ordinarydream1261@gmail.com 01159512243	 60%		
OLIVIA CHAMBERS marvelholic26@gmail.com 01159512243	 40%		
SARAH JOHNSON sarah.johnson@example.com 12551234567	 20%		
MIGUEL RAMIREZ miguel.ramirez@example.com 01159512243	 0%		

Analisis Keterlibatan Ahli Komuniti

Ahli Paling Aktif

Berdasarkan Keterlibatan Aktiviti

- #1 **KHAIRINA**
Kadar Keterlibatan: 80%
Menghadiri 4 aktiviti
- #2 **SARAH JOHNSON**
Kadar Keterlibatan: 40%
Menghadiri 2 aktiviti
- #3 **MIGUEL RAMIREZ**
Kadar Keterlibatan: 20%
Menghadiri 1 aktiviti


Trend Keterlibatan Ahli

Month	Jumlah Kehadiran					
	SITI SALEHA BINTI KUNALAN	KHAIRINA	MARIA	OLIVIA CHAMBERS	SARAH JOHNSON	MIGUEL RAMIREZ
Jan	0	0	0	0	0	0
Feb	0	0	0	0	0	0
Mar	0	4	0	0	2	1
Apr	0	0	0	0	0	0
May	0	0	0	0	0	0
Jun	0	0	0	0	0	0
Jul	0	0	0	0	0	0
Aug	0	0	0	0	0	0
Sep	0	0	0	0	0	0
Oct	0	0	0	0	0	0
Nov	0	0	0	0	0	0
Dec	0	0	0	0	0	0

Keterlibatan Ahli

Month	Jumlah Kehadiran					
	SITI SALEHA BINTI KUNALAN	KHAIRINA	MARIA	OLIVIA CHAMBERS	SARAH JOHNSON	MIGUEL RAMIREZ
Jan	0	0	0	0	0	0
Feb	0	0	0	0	0	0
Mar	0	4	0	0	2	1
Apr	0	0	0	0	0	0
May	0	0	0	0	0	0
Jun	0	0	0	0	0	0
Jul	0	0	0	0	0	0
Aug	0	0	0	0	0	0
Sep	0	0	0	0	0	0
Oct	0	0	0	0	0	0
Nov	0	0	0	0	0	0
Dec	0	0	0	0	0	0

2024 © Isurpreneur




Rajah 13 Antara Muka Papan Pemuka Komuniti Ahli dan Perniagaan Ahli Komuniti




Rajah 14 Antara Muka Papan Pemuka Komuniti Aktiviti Komuniti

Untuk melihat pendaftaran keahlian pengguna, ketua komuniti hanya perlu pergi ke halaman “Pengesahan Pendaftaran Ahli” dan daripada halaman ini, ketua boleh melihat maklumat pengguna, kadar keserasian pengguna dengan kriteria ahli serta mengesahkan atau menolak ahli. Apabila pengguna telah disahkan atau ditolak, emel akan dihantar pengguna untuk memaklumkan mereka mengenai keputusan pendaftaran keahlian mereka.



Rajah 15 Antara Muka Senarai Pengesahan Pendaftaran Ahli

Sebagai ketua komuniti, ketua boleh menambah atau mencipta topik baru, seperti yang ditunjuk pada Rajah 16. Pada modal ini, ketua hanya perlu mengisi nama topik dan deskripsi topik tersebut. Apabila butang “Cipta Topik Baru” ditekan, topik tersebut akan dipaparkan pada senarai topik.



Rajah 16 Antara Muka Tambah Topik

Apabila berlakunya perletakan jawatan ketua komuniti, ketua komuniti hendaklah pergi ke halaman “Penetapan Kriteria Ketua Komuniti” dan menetapkan kriteria ketua komuniti seperti umur pemohon, keperluan pemohon untuk memiliki perniagaan, deskripsi skop kerja serta keperluan yang dicari dalam pemohon.


The screenshot shows a web application interface for setting community leader criteria. At the top, there is a breadcrumb navigation: Home > Penurunan Jawatan Ketua Komuniti. The main title is "Penetapan Kriteria Ketua Komuniti". Below the title, a sub-instruction reads: "Sila tetapkan kriteria kelayakan pemohon untuk menjadi ketua komuniti:". The form contains several input fields:

- Umur Pemohon ***: A slider input with two blue handles. The text "Selected Age Range: 50 hingga 80" is displayed below it.
- Julat Keserasian ***: Another slider input with two blue handles.
- Pendaftaran akan diterima jika serasi dengan kriteria dalam: 50% hingga 70%**: A descriptive note about the acceptance criteria.
- Pemohon mesti memiliki perniagaan? ***: A radio button group with options "Tidak" (unchecked) and "Ya" (checked).
- Kepakaran ***: A dropdown menu currently showing "Pemasaran" with an "X" icon to clear the selection.
- Deskripsi ***: A large text area for describing the position.
- Keperluan ***: A large text area for specifying requirements.

At the bottom right of the form is a blue button labeled "Simpan dan seterusnya".

Rajah 17 Antara Muka Penetapan Kriteria Ketua Komuniti

Seterusnya, ketua komuniti akan dibawa ke halaman “Pencalonan Pengguna”, di mana ketua komuniti perlu memilih pengguna untuk dicalonkan sebagai ketua komuniti. Apabila butang “Simpan dan seterusnya” ditekan, emel akan dihantar kepada pengguna untuk memaklumkan pencalonan ini. Rajah 18 pula merupakan halaman yang memaparkan senarai pemohon ketua komuniti, di mana ketua komuniti boleh melihat maklumat calon, kadar keserasian calon dengan kriteria ketua komuniti dan mengesahkan atau menolak calon



Rajah 18 Antara Muka Pencalonan Pengguna

Bil.	Maklumat Pemohon	Keserasian	Tindakan
1.	SOFIA RAMIREZ sofia.ramirez@example.com 155512345673	60%	✓ Sah x Tolak
2.	ETHAN REYNOLDS ethan.reynolds@example.com 15559876543		✓ Sah x Tolak

Rajah 19 Antara Muka Senarai Pemohon Ketua Komuniti

Sebagai pentadbir pengesahan pendaftaran, pentadbir perlu menetapkan kriteria ketua komuniti baru, di mana umur ketua komuniti dan keperluan untuk ketua memiliki perniagaan ditetapkan seperti yang ditunjuk pada Rajah 20. Setelah butang “Simpan” ditekan, pentadbir akan dibawa pada halaman senarai pendaftaran komuniti, di mana pentadbir dapat melihat maklumat komuniti, maklumat ketua komuniti serta kadar keserasian ketua komuniti dengan kriteria yang ditetapkan pada Rajah 20. Seterusnya, pentadbir boleh mengesahkan atau menolak pendaftaran komuniti ini.

Smart SuriPreneur

Dashboard Menteri Komuniti

Komuniti Suripreneur

Penetapan Kriteria Kelayakan Ketua Komuniti Baru

Sila tetapkan kriteria kelayakan pemohon untuk menjadi ketua komuniti :

Umur *
Selected Age Range: 50 hingga 50

Julat Keserasian *
Pendaftaran ahli akan diterima jika serasi dengan kriteria dalam : 50% hingga 50%

Pemohon mesti memiliki perniagaan? * Tidak Ya

Simpan

2024 © Isuripreneur

Rajah 20 Antara Muka Penetapan Kriteria Ketua Komuniti Baru

Smart SuriPreneur

Dashboard DSS Urus Pengguna Urus Perniagaan Urus Pembimbing Urus Pinjaman Urus Latihan Komuniti Laporan

Komuniti Suripreneur

Senarai Pendaftaran Komuniti

Jumlah Pendaftaran Komuniti

Carian

Belum Disahkan 10 Rekod

Bil	Maklumat Komuniti	Keserasian	Tindakan
1	Nama : StyleSphere Community Ketua : AURORA SINCLAIR	50	

2024 © Isuripreneur


Rajah 21 Antara Muka Senarai Pendaftaran Komuniti Baru

Pengujian Kebolehgunaan


Pengujian kebolehgunaan ialah satu proses yang melibatkan pengujian akhir yang dilaksanakan oleh wakil pengguna dan pihak berkepentingan untuk memastikan permainan serius yang dibangunkan mampu menyediakan fungsi yang diperlukan sebelum ia dikeluarkan kepada umum. Tujuan pengujian kebolehgunaan adalah untuk menilai kebolehgunaan sistem, mengumpul data kuantitatif, dan menilai kepuasan pengguna.

Soal selidik pengujian ini mengandungi soalan untuk mengetahui tentang pengalaman mengguna laman web ini dan kepuashatian terhadap rekabentuk sistem ini. Seramai 10 orang pengguna yang terdiri daripada 7 ahli komuniti dan 3 ketua komuniti, telah dipilih untuk pengujian ini. Rajah 5.49 hingga Jadual 5.63 menunjukkan keputusan pengujian kebolehgunaan dan pengujian ini dibahagi kepada tiga bahagian, iaitu kegunaan web, kualiti maklumat dan kualiti antara muka. Komen tambahan mengenai kebaikan dan kelemahan sistem ini turut dikumpul untuk membantu analisis keputusan.


Kegunaan Web




Rajah 5.22 Pandangan responden akan kepuasan hati mereka dengan kemudahan dalam menggunakan sistem Komuniti Suripreneur




Rajah 5.23 Pandangan responden akan pengaksesan maklumat Komuniti Suripreneur



Rajah 5.24 Pandangan responden akan keselesaan dalam menggunakan sistem Komuniti Suripreneur




Rajah 5.25 Pandangan responden akan kemudahan penggunaan sistem Komuniti Suripreneur




Rajah 5.26 Pandangan responden akan impak Komuniti Suripreneur terhadap produktiviti

Untuk bahagian kegunaan web yang memerlukan responden untuk menjawab soalan daripada Rajah 5.49 hingga 5.53, majoriti daripada responden sangat bersetuju bahawa sistem ini memudahkan mereka untuk menjadi lebih produktif (sebanyak 60% responden) dan mengakses maklumat dengan cepat (sebanyak 80% responden). Selain itu, 60% responden pengujian ini turut bersetuju bahawa cara penggunaan laman web ini mudah untuk dipelajari dan 90% responden berpendapat bahawa sistem ini selesa untuk digunakan.


Kualiti Maklumat



Rajah 5.27 Pandangan responden akan kejelasan Komuniti Suripreneur dalam memaparkan mesej ralat




Rajah 5.28 Pandangan responden akan kemudahan Komuniti Suripreneur dalam mencari maklumat




Rajah 5.29 Pandangan responden akan keberkesanannya maklumat Komuniti Suripreneur dalam menyelesaikan tugas

Untuk bahagian kualiti maklumat yang memerlukan responden untuk menjawab soalan daripada Rajah 5.54 hingga 5.56, 80% responden sangat bersetuju bahawa sistem ini memberikan pengguna mesej ralat yang memaklumkan mereka cara untuk menyelesaikan masalah. Kesemua responden pengujian ini turut bersetuju bahawa sistem ini memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan sebanyak 80% responden bersetuju bahawa maklumat ini mampu menyelesaikan tugas mereka.




Rajah 5.30 Pandangan responden mengenai kebolehan Komuniti Suripreneur dalam menyelesaikan masalah




Rajah 5.31 Pandangan responden akan kejelasan maklumat dalam Komuniti Suripreneur

Rajah 5.57 dan 5.58 menyatakan bahawa sebanyak 10% responden yang berpendapat neutral akan kejelasan maklumat dalam Komuniti Suripreneur dan kebolehan sistem ini dalam menyelesaikan masalah. Namun begitu, 90% responden bersetuju bahawa sistem ini memastikan penggunanya mampu menyelesaikan masalah dengan mudah. Sebanyak 80% responden juga mendapati bahawa sistem ini dilengkapi dengan paparan maklumat yang jelas seperti maklumat bantuan talian dan paparan mesej.


Kualiti Antara Muka




Rajah 5.32 Pandangan responden akan organisasi maklumat pada Komuniti Suripreneur



Rajah 5.33 Pandangan responden akan kemudahan antara muka Komuniti Suripreneur



Rajah 5.34 Pandangan responden akan jangkaan mereka terhadap fungsi yang dimiliki Komuniti Suripreneur



Rajah 5.35 Pandangan responden akan kepuasan hati mereka dengan sistem Komuniti Suripreneur

Untuk bahagian kualiti antara muka, rajah 5.59 mendapati bahawa hanya sebanyak 20% responden yang berpendapat neutral akan kejelasan organisasi maklumat sistem ini manakala 80% responden bersetuju akan kejelasan organisasi ini. Selain itu, kesemua responden bersetuju bahawa sistem ini memiliki antara muka yang jelas dan fungsi yang dijangka dan berpuas hati akan sistem ini.

Senaraikan **KELEBIHAN** laman web Komuniti Suripreneur (Jika ada)

10 responses

Laman web tidak mengalami masalah lag semasa digunakan
Bahasa yang digunakan mudah untuk difahami
Antara muka yang menarik dan disusun dengan teratur

Antara muka lawa

sangat menarik dan jelas

Sangat Menarik

Dashboard ahli memudahkan saya untuk lihat prestasi saya

Dengan social network ini, saya dapat connect dengan rakan usahawan saya dengan mudah

Design website lawa dan website mudah difahami dan digunakan

Saya boleh menjadi ahli komuniti dan chat dengan ahli dan ketua komuniti

Senaraikan **KEKURANGAN** laman web Komuniti Suripreneur (Jika ada)

6 responses

Laman web ini kadangkala tergendala atau lambat dalam memaparkan halaman

Organisasi antara muka laman web (susunan butang, susunan bar navigasi) boleh ditambahbaik

Website loading terlalu lama

Website load lama

Menu website terlalu bercelaru. Perlu ditambahbaik .

Menu website mengelirukan.

Senaraikan **KELEBIHAN** laman web Komuniti Suripreneur (Jika ada)

10 responses

Laman web tidak mengalami masalah lag semasa digunakan
Bahasa yang digunakan mudah untuk difahami
Antara muka yang menarik dan disusun dengan teratur

Antara muka lawa

sangat menarik dan jelas

Sangat Menarik

Dashboard ahli memudahkan saya untuk lihat prestasi saya

Dengan social network ini, saya dapat connect dengan rakan usahawan saya dengan mudah

Design website lawa dan website mudah difahami dan digunakan

Saya boleh menjadi ahli komuniti dan chat dengan ahli dan ketua komuniti

Rajah 5.36 Komen responden mengenai kelebihan dan kelemahan sistem Komuniti Suripreneur

Menurut komen tambahan yang diberi oleh responden, responden mendapati bahawa sistem ini memiliki laman web yang membantu mereka untuk berinteraksi dengan ahli atau ketua komuniti serta memudahkan ketua komuniti untuk memantau prestasi ahli komuniti

mereka. Terdapat responden yang menyatakan bahawa dashboard komuniti bagi ahli komuniti memudahkan responden untuk melihat prestasi mereka sebagai ahli komuniti. Seterusnya, mereka juga berpendapat bahawa sistem ini memiliki antara muka yang menarik dan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami. Seterusnya, terdapat beberapa komen yang menjelaskan kekurangan sistem ini, yang merangkumi kelambatan sistem ini dalam memaparkan halaman kerana masalah sambungan Internet dan susunan menu (bar navigasi) yang bercelaru dan mengelirukan pengguna. Responden juga berpendapat bahawa susunan butang dan menu Komuniti Suripreneur perlu ditambahbaik.

Cadangan Penambahbaikan

Di masa depan, sistem ini dirancang untuk meningkatkan integrasi dengan platform pihak ketiga untuk meningkatkan daya tarik dan keterjangkauan sistem ini. Dengan melakukan peningkatan dan penambahbaikan ini, sistem pengurusan maklumat komuniti ini dipercayai akan memberikan manfaat yang lebih besar bagi usahawan wanita B40 di Malaysia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Sistem Pengurusan Maklumat Komuniti bagi Usahawan Wanita B40 (Komuniti Suripreneur) telah dibangunkan dengan jayanya. Dengan ini, objektif kajian dan keperluan yang digariskan pada permulaan projek ini juga berjaya dicapai. Diharapkan sistem ini akan dijadikan rujukan kepada projek mahupun kajian lain yang berkaitan dengan pengurusan komuniti bagi usahawan wanita B40 di Malaysia.

Kekuatan Sistem

Salah satu kekuatan sistem ini ialah penyediaan kefungsian pengurusan komuniti yang komprehensif. Sistem ini menyediakan fungsi pengurusan komuniti yang menyeluruh bagi ketua komuniti, seperti pengesahan ahli komuniti, penurunan jawatan ketua dan pengesahan pengganti ketua termasuklah penjanaan laporan aktiviti dan ahli komuniti. Sistem ini turut menyediakan rangkaian sosial yang terdiri daripada ketua dan ahli komuniti dan ini memudahkan seseorang untuk meluaskan rangkaian profesional mereka. Sistem ini turut memastikan bahawa sebarang pendaftaran melalui penapisan untuk memastikan pendaftaran yang memiliki keserasian yang tertinggi dipaparkan dan diutamakan.

Kelemahan Sistem

Kekurangan integrasi dengan platform pihak ketiga merupakan salah satu kelemahan sistem ini. Sehingga kini, sistem Komuniti Suriprenuer tidak dapat berintergrasi dengan platform media sosial yang popular, yang boleh meningkatkan pendedahan kepada pengguna.

PENGHARGAAN

Penulis kajian ini ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr Dian Indrayani Jambari, penyelia penulis kajian ini yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya. Penulis kajian ini juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek ini. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan mereka, projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga tuhan merahmati dan memberikan balasan yang terbaik.

RUJUKAN

- Bucher, T. (2021). Facebook. John Wiley & Sons.
- Castillo-de Mesa, J., & Gómez-Jacinto, L. (2020). Connectedness, engagement, and learning through social work communities on LinkedIn. *Psychosocial Intervention*, 29(2), 103-112.
- Hazzam, J., Wilkins, S., Southall, C., & Ibrahim, B. (2024). The influence of LinkedIn group community on postgraduate student experience, satisfaction and grades. *Computers & Education*, 105052.
- Instagram, P. O. (2016). Instagram. Online unter: <https://www.wissenschaftskommunikation.de/format/instagram>.
- Laor, T. (2022). My social network: Group differences in frequency of use, active use, and interactive use on Facebook, Instagram and Twitter. *Technology in Society*, 68, 101922
- Loheswar, R. (2021, July 6). As MCO continues, B40 women entrepreneurs struggle to maintain online businesses. [Malaymail](https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/06/as-mco-continues-b40-women-entrepreneurs-struggle-to-maintain-online-business/1987496).
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/06/as-mco-continues-b40-women-entrepreneurs-struggle-to-maintain-online-business/1987496>
- Latiff Mohamad. 2000. Kesan pembangunan sosio-ekonomi ke atas kepelbagaian biologi khususnya spesies tumbuhan endemik di Malaysia. Dlm. Jamaluddin Md. Jahi (pnyt.). *Pengurusan Persekutaran di Malaysia: Isu dan Cabaran*. hlm. 72–103. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moreau, E. (2018). What is Instagram, anyway. Here's what Instagram is all about and how people are using it [online].
- Nortajuddin, A. (2020, April 3). Does Malaysia have a gender stereotyping problem? Retrieved from <https://theaseanpost.com/article/does-malaysia-have-gender-stereotyping-problem>
- Abdullah Mohd. Salleh. 1999. *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur*. Temu bual, 12 Mei.
- Rokisa, R. (2019). Social Enterprising Observance among B40 Urban Women for Socioeconomic Sustainability. *European Journal of Sustainable Development*, 8(5), 397-397.
- Abu Osman Md. Tap. 1988. *Matematik Pertama*. Jil. 2 & 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Skeels, M. M., & Grudin, J. (2009, May). When social networks cross boundaries: a case study of workplace use of facebook and linkedin. In Proceedings of the 2009 ACM International Conference on Supporting Group Work (pp. 95-104).

Khairina Batrisyia Binti Khairul Anuar (A193035)

Dr. Dian Indrayani Jambari

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia